



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 MEI 2020 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | |
|---|----|
| - PBT patut contohi DBKL urus peniaga warga asing | 12 |
| - Peniaga Taman Medan patuhi SOP | 7 |

Harian Metro

- | | |
|---------------------------|----|
| - Empat kali hantar notis | 16 |
|---------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 MEI 2020 (JUMAAT)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	PBT patut contohi DBKL urus peniaga warga asing
Muka Surat	12

BH 15/5/2020 m 12
**PBT patut
contohi
DBKL urus
peniaga
warga asing**

Syabas buat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana menjalankan tindakan penguatkuasaan secara berterusan terhadap peniaga warga asing sejak akhir-akhir ini. Langkah DBKL menyenaraikan 23 jenis perniagaan yang tidak boleh diusahakan warga asing juga amat dialu-alukan.

Kebanjiran peniaga warga asing dalam sektor tred, perniagaan, industri dan penjajaan sudah berlarutan sejak sekian lama dan sering diberi liputan khas oleh media massa. Warga asing yang terbabit dalam perniagaan jelas melanggar peraturan kerana ada dalam kalangan mereka masuk ke negara ini menggunakan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan pas pelajar asing.

Justeru, tindakan tegas oleh DBKL adalah amat perlu dan wajar diikuti pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri lain.

Antara faktor masalah lambakan peniaga asing menjadi semakin tidak terkawal adalah disebabkan sikap sesetengah warga tempatan yang memiliki lesen dan premis perniagaan mengambil jalan mudah menyewakan sijil pendaftaran dan premis kepada warga asing untuk mengaut untung atas angin.

Akibatnya tindakan penguatkuasaan tidak begitu berkesan kerana rakyat tempatan sebagai pemegang lesen akan ke premis mereka ketika operasi pemeriksaan dijalankan pihak berkuasa.

Selain bidang perniagaan, rakyat tempatan juga dikesan meminjamkan nama mereka sebagai rakan kongsi syarikat untuk memudahkan warga asing mencuri bidang kontraktor. Tiba masanya Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) diberikan kuasa lebih menyeluruh menangani masalah ini dengan berkesan.

Peraturan dan akta baharu bagi menangani kes warga tempatan yang mengalibabakan perniagaan kepada warga asing perlu segera diperkenal. Disarankan agar hukuman lebih berat dikenakan sebagai pengajaran.

Sebagai tambahan, pas PLKS pekerja asing yang berkahwin dengan warganegara perlu dibatalkan serta-merta.

Diharapkan dengan tindakan penguatkuasaan konsisten dapat mengembalikan semula peluang perniagaan kepada warga tempatan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 MEI 2020 (JUMAAT)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Peniaga Taman Medan patuh SOP
Muka Surat	7

Peniaga Taman Medan patuh SOP

Pelanggan beratur beli makanan
amalkan penjarakan sosial

DH 15/5/2020
ms f

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Petaling Jaya: Puluhan peniaga gerai makanan dan minuman di tepi Jalan PJS 2, dekat Taman Medan, di sini, didapati mengikut prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi mengelakkan penularan COVID-19.

SOP itu termasuk amalan penjarakan sosial selain penggunaan cecair pembasmi kuman dan pemakaian pelitup muka.

Tinjauan BH mendapati, setiap tapak perniagaan yang disertakan dengan khemah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), di letakkan dalam jarak satu meter antara satu sama lain.

Peniaga kuih, Murniyati Juki, 48, berkata semua kios itu dibe-

narkan beroperasi bermula kelmarin hingga 23 Mei ini iaitu sehari sebelum sambutan Aidilfitri.

"Saya mahu tukar persepsi sehingga pihak yang mendakwa di PJS 2 ada bazar Ramadan, sebaliknya ia adalah kios perniagaan yang mendapat kelulusan pi-

ngan penularan COVID-19. "Kita amalkan semua SOP sedia ada. Peniaga memang diwajibkan pakai pelitup muka, malah ada yang sediakan cecair pembasmi kuman di kedai mereka untuk kegunaan pelanggan.

"Kita juga akan pastikan pelanggan yang beratur beli makanan amalkan penjarakan sosial. Setakat ini, tiada isu kebanjiran orang awam kerana mereka faham situasi semasa tidak menggalakkan mereka berada



Maskol Ahmad melayan pelanggan yang mahu membeli makanan di geraiannya, di Taman Medan, semalam.

(Foto Rohanis Syukri/BH)



lama di satu tempat," katanya ketika ditemui BH, di sini, semalam.

Peniaga minuman, Afiq Mohd Helmy, 22, pula berkata anggota MBPJ akan mengadakan lawatan mengejut dari semasa ke semasa bagi memastikan semua pihak mematuhi SOP PKPB ketika uru-



san jual beli di kios sekitar PJS 2.

"Sebenarnya, anggota terbabit ada membuat lawatan di sini semalam. Ketika berbual dengan beberapa anggota itu, mereka maklumkan berpuas hati dengan kepatuhan berpuas hati dengan peniagaan baharu atau sebaliknya.

"Saya terpaksa ambil keputusan ini (berniaga tanpa kebenaran) demi kelangsungan hidup, di sini tempat saya mencari rezeki setiap tahun ketika Ramadan," katanya.

"Mereka turut maklumkan akan terus memantau kawasan ini bagi memastikan kepatuhan itu berterusan hingga 23 Mei ini," katanya.

Sementara itu, peniaga lemang di tepi Jalan PJS 5 di sini, Maskol Ahmad Ishak, mengakui menjalankan perniagaan tanpa kebenaran MBPJ.

"Saya berniaga di sini sudah empat tahun. Tahun ini, saya di beritahu memang tidak boleh ber niaga di sini kerana PKPB, tetapi MBPJ tidak maklumkan adakah mereka akan sediakan tapak perniagaan baharu atau sebaliknya.

"Saya terpaksa ambil keputusan ini (berniaga tanpa kebenaran) demi kelangsungan hidup, di sini tempat saya mencari rezeki setiap tahun ketika Ramadan," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 MEI 2020 (JUMAAT)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Empat kali hantar notis
Muka Surat	16

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Sebuah khemah besar milik sebuah syarikat tekstil di Seksyen 7 di sini, dirobohkan kelmarin kerana didapati dibina tanpa kebenaran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA dalam satu kenyataan memaklumkan sebanyak empat Notis Amarar Kesalahan sudah dikeluarkan kepada syarikat berkenaan sejak 2015 sebelum tindakan perrobohan.

"Susulan itu, pada 2 Mac lalu, pihak MBSA mengerahkan notis mengikut Seksyen 70(1) Akta 133 memaklumkan khemah di atas lot berkenaan didirikan tanpa mendapat kelulusan bertulis dari pihak MBSA.

"Notis menggarahkan pihak berkenaan secara serata-merta untuk merobohkan struktur khemah berkenaan.

"Pada masa sama, satu lagi notis mengikut Seksyen 72(1) Akta 133 dikeluarkan dan mengarahkan pihak berkenaan untuk merobohkan khemah berkenaan dalam tempoh tiga hari tamat pada 4 Mac," katanya.

Beliau berkata, oleh kerana kegagalan syarikat merobohkan khemah seperti diarahkan dalam notis pada 2 Mac, MBSA pada 5 Mac mengeluarkan satu lagi notis mengikut Seksyen 72(6) Akta 133 mengarahkan pihak berkenaan untuk mengosongkan struktur khemah dalam tempoh 30 hari bagi tujuan operasi meroboh oleh pihak MBSA.

Jelaskan, notis berkenaan tamat pada 4 April. Bagaimanapun, MBSA menangguhkan operasi meroboh yang sepatutnya dijalankan pada 5 April.

"Hasil pemeriksaan, syarikat mempermerkahn iklan



Empat kali hantar notis

MBSA roboh khemah selepas arahan tidak dihirau syarikat tekstil sejak 2015



PEKERJA membawa keluar barang sebelum kerja merobohkan struktur khemah dilakukan.



Notis mengarahkan pihak berkenaan secara serata-merta untuk merobohkan struktur khemah berkenaan"

Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA

perniagaan tanpa kebenaran dari pihak majlis dan tindakan sudah diambil mengikut Undang-Undang Kecil Iklan (MBSA) 2007 kerana mempamerkan iklan perniagaan tanpa kelulusan.

"Semakan juga mendapati pihak syarikat tidak mempunyai lesen perniagaan untuk beroperasi di tapak itu," katanya.

Menerusi kenyataan itu, MBSA turut memberi arahan kepada semua pihak terutama pemilik premis perniagaan supaya sentiasa mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan dan tidak mendirikan sebarang struktur binaan tanpa kebenaran dan kelulusan daripada pihak MBSA.

Katanya, sekiranya didapati ada pemilik premis yang gagal mematuhiinya, MBSA akan mengambil tinjakan tegas.

Jakel serah isu khemah kepada peguam

Kuala Lumpur: Jakel menyerahkan sepenuhnya isu mengenai khemah besar yang dirobohkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kepada peguam gedung teknikal negara itu.

Pengarah Pemasaran Jakel, Azlan Abu Bakar berkata, pihaknya sedang menunggu hasil siasatan daripada pihak berwajib.

"Peguam kami sudah ambil maklum mengenai perkara ini dan menyerahkan semuanya kepada peguam."

"Sekarang pihak berwajib sedang menyiasat dan kita tunggu hasilnya," katanya pada sidang media sempena kempen jakel Barulah Raya 2020 di sini, semalam.

Azlan berkata, Jakel juga akan mengeluarkan kenyataan rasmi tidak lama lagi bagi menerangkan isu sebenar.

Keliru, MBSA mengambil tindakan merobohkan khemah besar milik jakel di Seksyen 7, Shah Alam kerana didapati dibina tanpa kebenaran.

MBSA dalam satu kenyataan memaklumkan sebanyak empat Notis Amarar Kesalahan sudah dikeluarkan kepada syarikat berkenaan sejak 2015 sebelum tindakan perrobohan.

Susulan itu, pada 2 Mac lalu, pihak MBSA mengeluarkan notis mengikut Seksyen 70(1) Akta 133 memaklumkan khemah di atas lot berkenaan didirikan tanpa kebenaran.